

Spekulasi pengaruhi harga rumah

Oleh SUKHVINDER KAUR
dan AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kenaikan harga rumah dan bangunan perniagaan yang melebihi kadar kenaikan biasa di beberapa bandar raya, mungkin disebabkan oleh aktiviti spekulasi pihak-pihak tertentu dalam urusniaga membeli rumah dan harta.

Menurut Perdana Menteri,

pihak-pihak berkenaan seperti pemaju dan pelabur tidak seharusnya mengambil kesempatan daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi negara dengan menjalankan urusan jual beli berdasarkan kepada spekulasi.

“Sungguhpun Malaysia mengamalkan ekonomi bebas, mereka tidak patut mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis

perasmian Kondominium Mont' Kiara Pines, Mont' Kiara Palma dan Sekolah Antarabangsa Mont. Kiara di Bukit Kiara di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, laporan terbaru menunjukkan di kawasan Lembah Klang, kenaikan harga di antara tahun 1993 dan pertengahan tahun 1994 ialah dalam lingkungan 30 peratus berbanding dengan kenaikan tahunan iaitu hanya 10 hingga 20 peratus.

“Saya percaya kenaikan harga rumah ini dipengaruhi

oleh peningkatan pendapatan dan kuasa beli, kemudahan pinjaman perumahan pembelian bagi maksud pelaburan dan kenaikan sewa rumah,” katanya.

Namun, katanya, pemaju tidak seharusnya mengambil kesempatan daripada peningkatan permintaan yang tinggi itu.

Sebaliknya, kata beliau, mereka harus memberi perhatian yang serius terhadap kos dan harga jualan kerana kenaikan harga rumah di semua peringkat menyumbang kepada inflasi.

P. De. A. J.